NO SOALAN :21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 26.03.2018**

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah jangka panjang yang diambil bagi menambah baik sistem pengimbasan di Pelabuhan Pulau Pinang (PPP). Bolehkah masa pergerakan kontena disingkatkan kurang daripada 25 minit sekarang. Apakah kos serta kelainan mesin pengimbas baru yang dijangka dibawa masuk pada Mac nanti. Bolehkah pengecualian pengimbasan diberikan kepada syarikat-syarikat bertauliah dan gudang pengilangnya berlesen seperti Broadcom dan Western Digital.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

31

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pengimbasan di Pelabuhan Pulau Pinang (PPP) pada masa ini mampu mengimbas sesebuah kontena dalam tempoh masa 20 saat. Kaedah penilaian risiko (*risk assessment*) juga dilaksanakan bagi meningkatkan tahap kecekapan pemeriksaan kontena. Bagi menambahbaik sistem pengimbasan di PPP dalam jangka masa panjang, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merancang untuk menambah bilangan lorong keluar ke *gate,* membuat perolehan tambahan bagi mesin pengimbas, dan mengintegrasi sistem pelabuhan dengan sistem Kastam.

1. JKDM akan membuat penelitian lanjut bagi mengurangkan tempoh masa pergerakan kontena kepada kurang daripada 25 minit kerana faktor kemudahan infrastruktur pelabuhan juga turut menyumbang kepada kesesakan di pelabuhan.

1. Berhubung pertanyaan mengenai kos serta kelainan mesin pengimbas yang akan dibawa masuk pada bulan Mac, adalah dimaklumkan bahawa pada masa ini tiada mesin pengimbas baru yang akan dibawa masuk pada bulan Mac.

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada pengecualian pengimbasan diberikan kepada mana-mana syarikat dan dengan itu semua kontena tertakluk kepada prosedur semasa JKDM dalam melaksanakan pemeriksaan pengimbasan.